

# Ahli politik celupar antara punca pelanggaran prinsip Rukun Negara

Kekerapan sebagai modal politik bentuk polarisasi dalam kalangan masyarakat pelbagai lapisan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Keceluparan ahli politik antara punca pelanggaran prinsip Rukun Negara, susulan tahap literasi yang lemah terhadap aku janji dan ikrar bagi membina perpaduan kaum itu.

Ahli politik kerap melanggar prinsip Rukun Negara sebagai modal politik, sekali gus membentuk polarisasi dalam kalangan masyarakat pelbagai lapisan.

Pakar pembangunan masyarakat, kajian persempadanan, peribumi, etnik dan identiti, Prof

Dr Novel Lyndon, berkata menerusi perspektif sosiologi politik, ahli politik mempunyai pengaruh besar membentuk naratif awam.

Profesor Program Antropologi dan Sosiologi Universiti Kebangsaan Malaysia itu berkata, lebih membimbangkan apabila ahli politik menggunakan isu sensitif bagi mendapatkan sokongan jangka pendek.

“Apabila perbezaan politik dibingkaikan sebagai konflik identiti membabitkan kaum, agama, wilayah atau ideologi, masyarakat cenderung melihat pihak berbeza sebagai ‘lawan’, bukannya rakyat dengan pandangan berbeza.

“Keadaan ini berupaya meningkatkan ketidakpercayaan sosial serta menghakis semangat kebersamaan yang menjadi asas perpaduan negara.

“Strategi sedemikian mungkin memberi keuntungan politik sementara tetapi menjejaskan kepercayaan dalam masyarakat dan melemahkan integrasi na-

sional dalam jangka panjang,” katanya kepada *BH* semalam.

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim, kelmarin bertitah individu enggan mengikut prinsip Rukun Negara tidak layak digelar warga Malaysia.

Baginda turut memperingatkan pemimpin politik supaya sentiasa menjaga adab dan tutur kata, selain berhati-hati mengeluarkan sebarang kenyataan.

## Cabaran urus perbezaan

Novel berkata, cabaran sebenar dihadapi negara ketika ini ialah menguruskan perbezaan dengan pemimpin sepatutnya berperanan sebagai ejen penyatuan, bukannya memperdalam jurang sedia ada.

“Jika perbezaan digunakan bagi membina persefahaman, ia menjadi kekuatan. Namun, ini berpotensi menjadi sumber kon-



Novel Lyndon

flik, sekiranya perbezaan dimanipulasi untuk mobilisasi politik.

“Justeru, perlu diwujudkan kursus untuk ahli politik bagi meningkatkan literasi prinsip Rukun Negara kerana mereka perlu faham mengenai kontrak sosial.

“Sebagai pemimpin, ahli politik memikul tanggungjawab moral lebih besar berbanding rakyat biasa kerana setiap kenyataan dan tindakan mereka diperhatikan serta berpotensi mempengaruhi masyarakat,” katanya.

Sementara itu, pakar pengajian ketamadunan, psikologi dan kemanusiaan, Prof Madya Dr Ratna Roshida Ab Razak, berkata kelemahan literasi prinsip Rukun Negara dalam kalangan golongan muda berpunca akibat tidak melalui sejarah negara.

Pensyarah Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan

Universiti Putra Malaysia itu juga mengakui cabaran utama ketika ini ialah generasi muda mengenali Rukun Negara sebagai teks, tetapi kurang memahami kisah dan sejarah kewujudannya.

“Penghayatan Rukun Negara bermula daripada makna dengan semua peringkat rakyat perlu memahami prinsip berkenaan bukan untuk mengongkang, sebaliknya memastikan kebebasan, keamanan dan keharmonian terus dinikmati generasi akan datang.

“Generasi terdahulu berjuang mempertahankan negara secara fizikal dan cabaran generasi hari ini ialah mengekalkan jiwa dan nilai negara. Di sinilah Rukun Negara kekal relevan sebagai kompas moral dan kenegaraan Malaysia.

“Apabila lahir rasa bernegara dalam hati, maka akan tumbuh penghormatan terhadap Perlembagaan Persekutuan, institusi utama negara, kepelbagaian masyarakat dan tanggungjawab sebagai warganegara,” katanya.